



Melihat Dari

JENDELA ISLAM

KOLEKSI TULISAN

DATUK WAN ZAHIDI BIN WAN TEH

EDISI KEDUA



**PEJABAT MUFTI
WILAYAH PERSEKUTUAN**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ





MELIHAT DARI JENDELA ISLAM





MELIHAT DARI JENDELA ISLAM

KOLEKSI TULISAN
DATUK WAN ZAHIDI WAN TEH

PUSTAKA PERDANA



1012367

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN



Cetakan Pertama 2013
Edisi Kedua Cetakan Pertama 2014

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian (termasuk teknik & konsep) daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, atau pun disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wan Zahidi Wan Teh, Datuk, 1942-

Melihat Dari JENDELA ISLAM / KOLEKSI TULISAN DATUK WAN ZAHIDI
WAN TEH

ISBN 978-967-12468-2-5

1. Islam-Social aspects. 2. Islam and social problems.

3. Malaysia. Jabatan Perdana Menteri. Pejabat Mufti

Wilayah Persekutuan. I. Judul

297.27

Dicetak oleh
AL-HIKMAH SDN. BHD.
Lot 447, Jalan Perusahaan 2
Bandar Baru Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6157 4699 Faks: 03-6157 9133
email: alhikmah88@hotmail.com

297.82

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR EDISI KEDUA	ix
PRAKATA	xi
1. IDENTITI DAN KANDUNGAN PENDIDIKAN ISLAM	1
2. MANHAJ FATWA DI SISI IMAM AL-SYAFIE	45
3. KETOKOHAN IMAM BUKHARI DAN KEDUDUKAN SAHIH BUKHARI DALAM KERANGKA ILMU ISLAM	59
4. MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA ISLAM	69
5. MASJID SEBAGAI INSTITUSI DI BAWAH HAK SULTAN	91
6. MENDERHAKA KEPADA PEMERINTAH SATU DOSA BESAR	101
7. MENYERTAI PERARAKAN MENENTANG PEMERINTAH ADALAH DOSA BESAR YANG BOLEH MENJEJASKAN IMAN	105
8. SIAHAH SYAR'ITYAH DAN PELAKSANAANNYA DALAM PENTADBIRAN NEGARA	111
9. HUBUNGAN ANTARA PEMERINTAH DAN RAKYAT MENURUT QURAN, SUNNAH DAN PANDANGAN ULAMA UMMAH	153
10. ISLAM DAN PERPADUAN UMMAH	171
11. MANHAJ QURAN DAN SUNNAH DALAM MEMELIHARA PERPADUAN UMMAH	193
12. FENOMENA PEMIKIRAN KHAWARIJ DAN ANCAMANNYA TERHADAP PERPADUAN UMMAH	211

MELIHAT DARI JENDELA ISLAM

13.	KEWAJIPAN MENYURUH MAKRUF DAN MENCEGAH MUNGKAR	219
14.	GERAKAN ISLAM LIBERAL DI NUSANTARA	229
15.	APABILA YAHUDI REDHA DENGAN ISLAM	269
16.	ISLAM DAN TANGGUNG JAWAB SOSIAL	289
17.	AL-ISLAH ASAS PERJUANGAN PARA ANBIYA'	313
18.	SUMBANGAN PENGANUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DI ASIA TENGGARA KEPADA TAMADUN - KEMAJUAN, KESELAMATAN DAN KEAMANAN; PENGALAMAN MALAYSIA	323
19.	NASIHAT SEBAGAI KAEDAH DALAM HUBUNGAN ANTARA ULAMA', UMARA' DAN UMMAH	349
20.	SEJARAH PERKEMBANGAN SYIAH DAN PERKAITANNYA DENGAN AHLI BAIT	377
21.	AKIDAH IMAMAH DI SISI SYIAH ISNA ASHARA DAN KESAN-KESANNYA TERHADAP PEGANGAN AHLI SUNAH DAN JAMAAH	401

KATA PENGANTAR

EDISI KEDUA

Buku ini merupakan edisi kedua yang menghimpunkan sebanyak 21 tulisan oleh Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh berbanding edisi pertama sebelum ini yang memuatkan 19 tulisan. Edisi pertama diterbitkan semasa penulis masih berkhidmat sebagai Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2013. Manakala edisi kedua ini terbit ketika beliau sudah meninggalkan perkhidmatan pada Mac 2014 yang lalu.

Tulisan-tulisan yang termuat di dalam kompilasi ini merupakan buah fikiran beliau yang merangkumi kertas-kertas kerja beliau yang telah dibentang di seminar-seminar, kenyataan media yang dikeluarkan semasa berkhidmat sebagai Mufti Wilayah Persekutuan, dan tulisan-tulisan yang pernah diterbitkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan secara bercetak atau melalui laman sesawang pejabat ini.

Kebanyakan hasil tulisan merupakan maklum balas serta pandangan beliau terhadap situasi dan permasalahan semasa yang berlaku di tengah masyarakat. Setiap tulisan mengajak pembaca memahami perbahasan melalui pemahaman manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hampir kesemua tulisan menyentuh mengenai isu sosial kemasyarakatan sama ada dari sudut pentadbiran dan kenegaraan, hubungan antara rakyat dan pemerintah, pendidikan, perpaduan ummah, pentadbiran masjid dan lain-lain.

Karya ini diharapkan dapat menyumbang ke arah membentuk kefahaman yang selaras terhadap persoalan-persoalan kemasyarakatan yang sering timbul di kalangan masyarakat supaya keharmonian sesama mereka dapat

MELIHAT DARI JENDELA ISLAM

dikekalkan dan dapat menghayati kehidupan dengan manhaj (jalan) beragama yang betul. Dengan ini semua pihak dapat terus menumpukan usaha ke arah membangun peradaban negara dan memastikan survival ummah dan kedudukan Islam terus terpelihara.

Wassalam.

PENERBIT

Mei 2014

PRAKATA

EDISI PERTAMA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, pemilik sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarganya, para sahabatnya serta semua umat Islam sekalian.

Buku ini menghimpunkan beberapa penulisan yang merupakan maklum balas serta pandangan saya daripada pemerhatian terhadap situasi dan permasalahan semasa yang melanda umat Islam dalam Negara sejak beberapa ketika dahulu hinggalah mutakhir ini. Tulisan-tulisan ini mengajak para pembaca memahami perbincangan yang dibincangkan melalui pemahaman manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Buku ini diterbitkan bertujuan untuk menasihatkan muslimin dan muslimat supaya sentiasa berfikir dan bertindak selaras dengan ajaran Islam. Setiap permasalahan yang timbul hendaklah difahami isunya serta diketahui di mana letak duduknya terlebih dahulu dan diselesaikan menurut pendekatan yang betul. Ia hendaklah sentiasa dipastikan berada di atas landasan yang benar sepertimana ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kefahaman yang selaras di kalangan masyarakat terhadap persoalan-persoalan yang dibangkitkan diharapkan dapat menjadi faktor ke arah mengekalkan keamanan, keharmonian dan menikmati kehidupan beragama dengan penghayatan yang sederhana sesuai dengan prinsip wasatiyyah yang

MELIHAT DARI JENDELA ISLAM

digariskan oleh Al-Quran. Di samping itu dapat terus menumpukan usaha ke arah membangun peradaban Negara supaya survival ummah tetap terjamin dan kedudukan Islam dapat terus kekal terpelihara.

Dunia umpama jambatan untuk manusia menuju akhirat. Oleh itu hendaklah kita mentadbir kehidupan di dunia ini sebaik mungkin menurut kehendak agama dengan rasa kehambaan, berkasih sayang sesama saudara seagama, hormat menghormati antara satu sama lain, serta menjaga hak-hak serta kewajipan masing-masing agar dapat mengecapi kehidupan abadi di negeri akhirat dengan penuh kebahagiaan dan kejayaan.

Sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan buku ini. Moga-moga Allah SWT melimpahkan rahmat, keberkatan dan mencatatkannya sebagai amalan soleh kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam usaha murni ini. Insya Allah. Wassalam.

Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh
Mufti Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Julai 2013

IDENTITI DAN KANDUNGAN PENDIDIKAN ISLAM

PENDAHULUAN

Pendidikan dalam bahasa Arab disebutkan tarbiah, yang pada asalnya membawa makna; pertambahan, perkembangan dan ketinggian. Perkataan tarbiah berasal dari kata kerja rabba رَبُّ yang antara maknanya ialah; memperbaiki (*Islah*), memimpin dan mentadbir. Menurut ahli bahasa, tarbiah bererti; membangun sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan. Salah satu dari Nama Allah ialah ar-Rabَّ الرَّبِّ; kerana yang mengawal, mengislah, mentadbir dan mengarahkan makhluk kepada kesempurnaan ialah Allah. Semuanya ini merupakan inti dari pendidikan.

Oleh sebab itu Rabbul ‘Alamin رَبُّ الْعَالَمِينَ ditafsirkan sebagai *Murabbil Alamin* مربي العالمين (Pendidik Seluruh Alam). Dan Allah SWT ialah Pendidik Yang Teragung المرَبِّي الْأَعْظَى. Jadi perkataan tarbiah mengandungi dua unsur terpenting; iaitu pertambahan dan perbaiki (Islah) hingga ke tahap kesempurnaan.

PENDIDIKAN DAN PERADABAN

Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang suci dan penting sekali. Ia menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada Islam dan merupakan satu ibadat yang besar. Kedudukan dan kepentingan pendidikan ini amat jelas apabila kita meneliti ayat pertama daripada wahyu yang diturunkan. Ia tidak dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan perkara-perkara lain seperti ibadat umpamanya, tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan pendidikan: اقرأ *“Bacalah.”* Bacaan adalah

MELIHAT DARI JENDELA ISLAM

pintu kepada ilmu dan alat terpenting kepada pengajaran dan pendidikan. Di dalam Surah al-Alaq ini sahaja perkataan *ar-Rab* disebut sebanyak tiga kali, manakala *al-Insan* sebagai sasaran pendidikan juga disebut tiga kali. Selain daripada itu disebutkan juga *al-Qalam* sebagai alat penting dalam pendidikan juga ilmu sebagai kandungan pendidikan yang terpenting.

Kedudukan tarbiah yang penting ini juga dapat dilihat dengan jelas dalam Sunnah Rasulullah SAW seperti berikut:

لَأَنْ تَعْدُو فَتَعْلَمَ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ مِائَةَ رَكْعَةٍ، وَلَأَنْ تَعْدُو فَتَعْلَمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ - عَمِلَ بِهِ أَوْ لَمْ يَعْمَلْ - خَيْرٌ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ أَلْفَ رَكْعَةٍ

Terjemahan : “Bahawa kamu keluar bagi mempelajari satu bab dari ilmu, sama ada diamalkan atau tidak, adalah lebih baik dari kamu sembahyang (sunat) seribu rakaat”

(Riwayat Ibnu Majah).

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Terjemahan: “Menuntut ilmu adalah fardu ke atas setiap muslim”
(Riwayat Baihaqi)

طَلَبُ الْعِلْمِ سَاعَةً خَيْرٌ مِنْ قِيَامِ لَيْلَةٍ ، وَطَلَبُ الْعِلْمِ يَوْمًا خَيْرٌ مِنْ صِيَامِ ثَلَاثَةِ أَشْهُرٍ

Terjemahan: “Menuntut ilmu satu ketika lebih baik daripada sembahyang tahajud satu malam dan menuntut ilmu satu hari lebih baik daripada berpuasa tiga bulan.”

(Riwayat Dailami)

أَطْبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّينِ

Terjemahan: “Tuntutlah ilmu sekalipun sampai ke Negeri Cina”
(Riwayat Baihaqi)

Dalam alam pendidikan hari ini, terdapat satu lagi perkataan yang biasa dipakai, iaitu ta’lim تعليم yang diertikan sebagai pengajaran (*instruction*). Pengajaran pada amnya lebih menekankan aspek pemindahan atau penuangan maklumat dan lebih merupakan satu latihan akal. Sedangkan pendidikan lebih menekankan aspek penanaman akidah, pembentukan sikap, tingkah laku dan akhlak yang mulia, zahir dan batin.

Dalam Islam, kedua-duanya tidak dapat dipisahkan kerana pendidikan memerlukan pengajaran dan pengajaran tanpa pendidikan tidak akan memberi erti. Malah kalau kita lihat dalam al-Quran, persoalan tarbiah dan pembentukan akhlak lebih diberi perhatian dari persoalan-persoalan yang berhubung dengan ilmu pengetahuan dan perundangan; kerana tarbiah yang sempurna tidak memerlukan banyak perundangan. Dengan sebab itu perkataan *ar-Rab* diulang sebanyak lebih seribu kali dalam al-Quran, manakala yang berasal dari kata ‘*alima* علم disebutkan sebanyak 776 kali sahaja.¹ Dalam penggunaan syarak sendiri, perbezaan antara dua perkataan ini hampir tidak kelihatan.

Misalnya firman Allah:

... إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ ...

Terjemahan: “Hanya yang takut kepada Allah dari hamba-hambanya adalah ulama.”

(Surah Al-Fatir : 28)

Perkataan ta’lim (ulama) yang digunakan dalam ayat ini sudah mengandungi kesan tarbiah dari ilmu yang diperolehi, iaitu takutkan Allah yang merupakan puncak dari pendidikan dan pengajaran dalam Islam.

1 Dr. Abdus Sabur Shahin, *Al-Insan Al-Muslim*: 43.

MELIHAT DARI JENDELA ISLAM

Oleh kerana pemisahan ini tidak wujud, maka peradaban Islam lama seperti tulisan Imam Al-Ghazali, perkataan ta'lim yang digunakan sudah mencakup makna tarbiah. Pemisahan ini berlaku setelah datangnya pengaruh sekular ke dalam masyarakat Islam. Dengan sebab itu kita lihat kurikulum pendidikan kita hari ini lebih mirip kepada pengajaran dari pendidikan.

Ini berlaku hingga kepada mata pelajaran agama Islam sendiri di mana ia lebih bersifat menyampaikan maklumat agama dari guru kepada murid. Pendekatan ini perlulah diubah kepada pendekatan Islam yang bersepadu iaitu pendidikan dan pengajaran sekaligus. Memandangkan betapa besar dan pentingnya kedudukan pendidikan dalam Islam, maka sebarang usaha untuk meningkatkan pendidikan Islam adalah mempunyai erti yang besar dalam rangka kebangkitan semula umat Islam. Ianya adalah satu ibadat yang besar. Perhatian yang lebih besar dan serius dari semua kalangan wajiblah diberi ke arah memperbaiki dan meningkatkan mutu pendidikan umat Islam.

KONSEP ILMU DAN PEMBAHAGIANNYA

Ilmu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan tarbiah. Dengan sebab itu ia punya kedudukan yang begitu tinggi dan penting dalam Islam. Ini dapat diperhatikan dengan jelas dari nas-nas yang berikut:

dari al-Quran:

...يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ

دَرَجَاتٍ... ﴿١١﴾

Terjemahan: *“Allah pasti meninggikan orang-orang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat.”*

(Surah al-Mujadalah : 11)

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ
 أَن يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ ... ﴿٤٠﴾

Terjemahan : “Orang yang mempunyai ilmu dari Al-Kitab, berkata
 Aku akan membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu
 berkelip.”

(Surah an-Naml : 40)

Menurut Imam Ghazali, ayat ini memberi satu pemerhatian bahawa
 kemampuan membawa singgahsana ialah dengan kekuatan ilmu.²

Dalam ayat ini perintah mentauhidkan Allah didahului dengan
 perintah berilmu.

dari al-Sunnah:

لَبَّابٌ مِّنَ الْعِلْمِ يَتَعَلَّمُهُ الرَّجُلُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ أَلْفِ رَكْعَةٍ تَطُوعًا

Terjemahan: “Sesungguhnya satu bab ilmu yang dipelajari oleh
 seseorang, lebih kasih kepadaku daripada seribu rakaat sembahyang
 sunat.”

(Riwayat Tabarani)

قَلِيلُ الْعِلْمِ خَيْرٌ مِّنْ كَثِيرِ الْعِبَادَةِ ، وَكَفَى بِالْمَرْءِ فَقْهًا إِذَا عَبَدَ
 اللَّهَ ، وَكَفَى بِالْمَرْءِ جَهْلًا إِذَا أُعْجِبَ بِرَأْيِهِ

Terjemahan: “Sedikit ilmu lebih baik dari banyak ibadah,
 memadailah kefaqihan seseorang itu apabila ia menyembah Allah,
 dan memadailah kejahilan seseorang itu apabila ia ‘ujub (terpesona)
 dengan pendapatnya.”

(Riwayat Tabarani)

2 Al-Ihya', Jilid 1:5

مَا عُبِدَ اللَّهُ بِشَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ فِقْهِ فِي الدِّينِ ، وَفَقِيهِ وَاحِدٌ أَشَدُّ
عَلَى الشَّيْطَانِ مِنْ أَلْفِ عَابِدٍ ، وَلِكُلِّ شَيْءٍ عِمَادٌ وَعِمَادُ هَذَا
الدِّينِ الْفِقْهُ

Terjemahan : “Tidak disembah Allah dengan sesuatu amalan yang lebih baik dari mempelajari agama, sesungguhnya seorang faqih (orang alim dalam agama) lebih menyukarkan syaitan dari seribu ‘abid (ahli ibadat). Bagi sesuatu ada tiangnya, tentang agama ini ialah fiqh (memahami hukum-hukum agama).”
(Riwayat Tabarani)

مَنْ أَرَادَ الدُّنْيَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ ، وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ ، وَمَنْ
أَرَادَهُمَا فَعَلَيْهِ بِالْعِلْمِ

Terjemahan: “Barangsiapa yang mengkehendaki ketinggian dunia maka hendaklah ia berilmu; barangsiapa yang mengkehendaki ketinggian akhirat, maka hendaklah berilmu; dan barangsiapa yang mengkehendaki kedua-duanya maka hendaklah juga ia berilmu.”

Rasulullah SAW juga menggalakkan perkembangan ilmu secara amali. Orang-orang Quraisy yang tidak mampu menebus diri mereka dengan harta, dikenakan mengajar sebilangan orang Islam menulis dan membaca sebagai tebusan. Seorang perempuan bernama As-Shifa' Al-'Adawiah ditugaskan oleh Rasulullah SAW mengajar Sayidatina Hafsa r.a. menulis dan membaca.³

Dr. Abdul Halim Mahmud ketika mengulas ayat 2 dari Surah Al-Jumu'ah yang bermaksud: “Dialah yang mengutuskan kepada kaum Ummiyyin (yang tidak tahu menulis dan membaca) seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayatNya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka al-Kitab dan al-Hikmah dan “Sesungguhnya mereka sebelumnya dalam kesesatan yang nyata”, beliau menegaskan, “Dengan demikian ilmu adalah sebahagian dari risalah Islam, malah ia merupakan bahagiannya yang

3 Muhamad Attyah Al-Abrashi, Ruh AI-Islam. 330

asasi: yakni bahagiannya yang tegak di atasnya *tazkiyah* (pembersih jiwa), kerana *tazkiyah* tidak mungkin tegak di atas kejahilan.”⁴

Dalam mengulas ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menyeru kepada ilmu pengetahuan, beliau menjelaskan:

Terjemahan : *“Mungkin setengah orang menyangka bahawa ilmu yang diseru oleh al-Quran ialah ilmu tentang agama semata-mata. Pada hakikatnya, ilmu tentang agama, yakni ilmu akidah, akhlak dan syariat adalah antara ilmu yang diserukan mempelajarinya oleh Islam, malah ianya berada di martabat yang utama; kerana iman adalah asas dalam semua dakwah agama. Walaupun makrifat Allah melalui Rasul-rasulNya a.s mendapat tempat utama dalam ajaran agama, tetapi al-Quran menjelaskan bahawa alam semesta ini adalah merupakan “Kitab” untuk mengenal Allah SWT. Ianya adalah himpunan undang-undang Allah (Sunanullah Al-Kauniyyah), yang mana penyungkapannya membawa kepada pertambahan makrifat dan takut akan Allah.”*

“Natiyah daripada seruan al-Quran untuk mencari ilmu ini, maka umat Islam tampil untuk membuat penerokaan dalam semua bidang ilmu pengetahuan, sama ada bidang kerohanian, mental dan alam kebendaan. Maka lahirlah dari tamadun Islam ini pemikir-pemikir seperti Jabir Bin Hayyan dalam bidang Kimia, Ibnul Haitham dalam bidang Sains Tabieii, Abu Bakar Ar-Razi dalam bidang Perubatan, Ibnu Sina dalam bidang Perubatan dan Falsafah, Al-Ghazali dalam bidang Kerohanian, Ibnu Rushd dalam bidang Falsafah, Ibnu Khaldun dalam bidang Sejarah dan Sosiologi, Khawarizmi dalam bidang Matematik dan ramai lagi yang lain.”⁵

PEMBAHAGIAN ILMU

Dipandang daripada sudut tuntutan Syarak, ilmu dalam Islam dapat dibahagikan kepada dua; ilmu *fardu ain* dan ilmu *fardu kifayah*. Menurut Imam Ghazali, ilmu fardu ain ialah setiap ilmu yang berhubungan dengan iktikad dan amalan yang wajib ke atas setiap muslim. Ilmu-ilmu tersebut

⁴ ‘Al-Islam Wa Ilm’ el-Muktamar al-Khamis Majma’ Al-Buhuth Al-Islamiah.

⁵ Ibid

pertamanya ialah ilmu yang berhubungan dengan akidah keimanan, iaitu mengetahui rukun iman yang enam dan segala perbahasan mengenainya yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf. Demikian juga mengetahui kepercayaan-kepercayaan sesat yang boleh merosakkan akidahnya. Keduanya ialah ilmu yang berhubungan dengan amal zahir yang wajib dikerjakan, seperti mempelajari rukun Islam yang lima serta syarat rukun bagi mengesahkan amalannya. Termasuk dalam bahagian amal zahir ini juga ialah mengetahui hukum halal haram mengikut keadaan dan suasana kehidupan yang dihadapi oleh seseorang. Misalnya, seseorang yang berniaga wajiblah mengetahui perkara-perkara yang haram dalam perniagaan seperti riba dan sebagainya.

Ketiganya ilmu yang berhubung dengan amal batin; iaitu ilmu tentang pembersihan hati dari sifat-sifat *Mazmumah* (tercela) seperti ujub, riak, hasad dan sebagainya. Menurut Imam Ghazali, “Kebanyakan perbahasan yang kami sebutkan dalam bahagian *Mublikat* (sifat-sifat yang membinasakan) dari kitab *Al-Ihya’* adalah dari bahagian fardu ain tetapi kebanyakan manusia meninggalkannya kerana sibuk dengan perkara yang tidak memberi faedah.”

Mengenai ilmu fardu kifayah, Imam Ghazali menerangkan:

Terjemahan: “Adapun fardu kifayah, maka ia adalah setiap ilmu yang diperlukan untuk menyempurnakan urusan, kehidupan dunia seperti perubatan; kerana ia adalah perlu untuk mengekalkan kesihatan badan. Begitu juga Ilmu Matematik; kerana ia perlu dalam urusan perhubungan sesama manusia dalam pembahagian harta wasiat, pusaka dan lain-lainnya. Ilmu-ilmu ini sekiranya tiada orang yang mengetahuinya dalam sesebuah negara, maka penduduknya akan mengalami kesukaran. Apabila ada yang melaksanakannya, gugur fardu dari yang lain. Maka janganlah merasa pelik apabila kami katakan Perubatan. Matematik adalah fardu kifayah; kerana ilmu-ilmu perusahaan yang asas juga dari fardu kifayah, seperti pertanian, tenun-menunen, politik, malah berbekam dan menjahit juga.”⁶

Persoalan fardu ain dan fardu kifayah ini perlu diperjelaskan sedikit. Fardu ain seperti yang diketahui ialah kewajipan yang dipertanggungjawabkan

6 *Ihya’ Ulum Addin*. 1:17

ke atas orang Islam yang Mukallaf dan mencukupi syarat-syaratnya; dan setiap orang secara individu akan disoal mengenai kewajipan ini. Adapun fardu kifayah, maka yang biasa kita dengar ialah; kewajipan yang apabila ada orang lain melakukannya, maka gugurlah kewajipan itu dari yang lain. Misal yang biasa dikemukakan ialah sembahyang mayat.

Pendekatan yang agak umum begini dalam menghuraikan fardu kifayah khususnya di bidang pendidikan boleh menimbulkan kekeliruan sehingga menyebabkan sebahagian masyarakat Islam mengambil sikap yang salah dalam perkara-perkara yang kadang-kadang menyentuh keutuhan dan “survival” umat. Fardu kifayah ialah kewajipan yang terpikul ke atas bahu masyarakat secara kolektif bagi menjamin kehidupan masyarakat berada dalam keadaan sempurna, dalam mana kekuatan, keutuhan dan survivalnya dapat dipertahankan, khususnya dalam konteks menghadapi musuh-musuh Islam. Dalam menyelesaikan fardu kifayah, negara bertanggungjawab menentukan pertamanya; wujud bilangan yang mencukupi bagi menyelesaikan keperluan umat dalam berbagai-bagai bidang kepakaran. Keduanya, memastikan perlaksanaan yang sempurna dan cekap dalam semua bidang, supaya masalah dan kepentingan umat dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Dalam menjelaskan persoalan ini Sheikh Muhammad Al-Ghazali mengatakan: “Masyarakat manusia laksana satu badan yang kepentingannya saling berkaitan. Kehidupan manusia saling memerlukan antara satu sama lain. Agensi-agensi yang terdapat di dalam negara seperti pentadbiran, peradaban, kesihatan, ekonomi dan ketenteraan samalah dengan komponen urat saraf: alat penghadaman, pernafasan, perjalanan darah dari tubuh manusia. Dari sini fardu ain dan fardu kifayah saling berkaitan antara satu sama lain dalam kehidupan masyarakat dan mendapat perhatian yang sama kuat dalam agama. Sesuatu kewajipan fardu kifayah dinamakan fardu kifayah sebelum ditentukan orang yang layak menjalankannya. Tetapi sesudah dipilih orang yang tertentu, maka ia bertukar menjadi fardu ain dan orang yang berkenaan hendaklah memberikan sepenuh tenaga bagi menyempurnakan tugas tersebut.”

“Sembahyang adalah fardu ain kerana setiap orang boleh melakukannya. Adapun tugas seperti kehakiman, pendidikan, kejuruteraan, maka ia adalah fardu kifayah kerana tidak mungkin setiap orang boleh menjadi hakim,

guru, jurutera dan seterusnya. Apabila seseorang itu dilantik menjadi hakim berdasarkan kemampuan yang ada padanya, maka melaksanakan tugas ini menjadi fardu ain baginya seperti juga sembahyang, puasa yang seharusnya tidak diabaikan. Sebarang kecuaiian dan penyelewengan dalam tugas tersebut adalah merupakan satu maksiat dan pencerobohan terhadap agama. Ia tidak boleh membuat alasan bahawa tugas itu adalah fardu kifayah. Jadi tenaga seseorang itu wajiblah dibahagikan antara sembahyang yang fardu dan tanggungjawab seperti kehakiman yang wajib dijalankan secara adil.”⁷

Daripada huraian-huraian di atas jelas bahawa tidak wujud sama sekali pemisahan, apa lagi pertentangan antara ilmu-ilmu *naqli* yang fardu ain dan ilmu *'aqli* yang fardu kifayah. Dengan sebab itu dalam Islam tidak terdapat pemisahan apa yang dinamakan ilmu agama (*religious knowledge*) dengan ilmu sekular (*secular knowledge*) seperti yang berlaku di Barat. Islam tidak menganggap ilmu-ilmu seperti Sains Tabii, Kejuruteraan, Perubatan dan umpamanya sebagai ilmu sekular seperti yang disebutkan. Ia adalah ilmu-ilmu aqliyah yang fardu kifayah, kerana yang sekular bukanlah ilmu, tetapi pandangan hidup orang yang memiliki ilmu itu.

Jadi kedua-dua ilmu ini fardu ain dan fardu kifayah *'aqli* dan *naqli* adalah saling isi-mengisi dan lengkap melengkapi dalam membentuk sahsiah Muslim dan mengkhidmati masyarakat Islam dalam rangka pengabdian yang syumul kepada Allah demi menuju kebaikan hidup di dunia dan di akhirat (*hasanah fiddunya* dan *hasanah fi al-akhirah*).

KESEPADUAN ILMU

Sekalipun ilmu fardu ain mendapat tempat yang utama dalam hierarki ilmu Islam, kedua-duanya tidaklah bertentangan antara satu sama lain dipandang daripada aspek mana sekalipun. Daripada segi kedudukannya dalam agama, kedua-duanya adalah ibadat fardu yang mempunyai satu matlamat, iaitu pengabdian kepada Allah SWT. Cuma ilmu fardu ain termasuk dalam ibadat khusus yang mana aspek kerohaniannya lebih berat, sedangkan ilmu fardu kifayah sebahagian bersama tergolong dalam ibadat umum yang mana aspek kepentingan umumnya lebih berat. Daripada segi perlaksanaannya, kedua-duanya saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Fardu ain

7 Muhammad Al-Ghazali, *Mushkilat Fi Tariq Al-Hayat Al-Islamiah*; 9

tidak sempurna tanpa fardu kifayah. Misalnya, sembahyang memerlukan kain untuk menutup aurat. Mengusahkan kain adalah fardu kifayah. Sebaliknya pula fardu kifayah tidak memberi erti tanpa dilaksanakan fardu ain.

Daripada segi isinya pula, seperti yang disebutkan, hakikat Sains Tabi'ie (*natural sciences*) tidak lebih dari satu penyingkapan undang-undang Allah tentang alam. Ia sudah tentu tidak bertentangan dengan ilmu *naqli* (ilmu syara') yang datang dari Allah.

Dari segi metodologinya pula, menurut Dr. Abdul Halim Mahmud, kaedah pemerhatian dan ujikaji yang dipakai dalam bidang Sains Tabi'ie adalah kaedah yang diambil oleh orang-orang Barat daripada Islam dengan pengakuan orang yang mengembangkan kaedah itu sendiri di Barat, iaitu Roger Bacon dan juga sarjana-sarjana Barat yang lain⁸. Cuma *manhaj tajribiy* Islam lebih sempurna dan lebih syumul. Eropah dalam *manhaj tajribiy*-nya berhenti setakat *tabi'ah* (*nature*) sahaja. Sedangkan Islam tidak menjadikan *nature* yang bersifat benda sebagai matlamat, tetapi matlamat Islam ialah Allah SWT.

وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَىٰ

Terjemahan: “Dan baharwasanya kepada Tuhanmulah kesudahan.”
(*Surah an-Najm* : 42)

8 Briffault dalam bukunya “*Making Humanity*” menyebutkan: “Sesungguhnya Roger Bacon mempelajari Bahasa Arab dan ilmu-ilmu Arab di Sekolah Oxford daripada pengganti guru-gurunya yang berbahasa Arab di Andalusia. Roger Bacon dan penama yang datang selepasnya (Francis Bacon) tidaklah berhak untuk mendakwa bahawa merekalah yang mula menemui *manhaj tajribiy* (*experimental method*). Kerana Roger Bacon sebenarnya tidak lebih daripada seorang yang membawa ilmu dan manhaj Islam ke dunia Masihi Eropah. Malah beliau sendiri sentiasa mengakui bahawa pengetahuan Bahasa Arab dan juga ilmu-ilmu Arab yang dipelajari oleh orang-orang yang semasa dengannya merupakan jalan yang tunggal bagi mendapatkan pengetahuan yang betul. Perbincangan-perbincangan yang berlaku tentang siapakah yang mula menemui *manhaj tajribiy* ini adalah satu penyelewengan baru terhadap asal usul tamadun Eropah. Sesungguhnya *manhaj tajribiy* Arab di zaman Bacon telah berkembang begitu luas sekali dan ianya dipelajari dengan begitu bersungguh di seluruh Eropah (hlm. 302). “Sesungguhnya ilmu (*science*) adalah merupakan satu sumbangan tamadun Arab yang paling penting kepada dunia baru; tetapi buahnya agak lambat dapat dipetik Namun ilmu bukanlah merupakan faktor tunggal yang menyebabkan Eropah bangkit, tetapi pengaruh-pengaruh tamadun Islam yang lain juga telah menyebabkan kebangkitan Eropah (hlm. 202). “Sekalipun pada kenyataannya bahawa tidak terdapat sebarang aspek kecemerlangan Eropah yang tidak menerima pengaruh tamadun Islam, namun pengaruh ini dapat dilihat dengan lebih nyata dan lebih penting dalam bidang pertumbuhan tenaga yang memberikan kekuatan yang unik kepada dunia moden; Bahagian ini banyak yang tertinggal demikian juga dalam bidang sumber tenaga - iaitu ilmu sains Tabi'ie dan semangat penyelidikan ilmiah (hlm. 140)” (dipetik oleh Muhammad Iqbal. *Tajdid at-Tafkir ad-Diniy*: 149-150).

Jadi, Barat tiada mengambil manhaj Islam dengan sempurna. Mereka membuang bahagian akhirnya yang terpenting dan berhenti setakat *nature* sahaja. Dengan sebab itu tamadun Barat lahir dalam keadaan pincang⁹.

Jadi, apa yang menjadi masalah ialah sikap-sikap yang berasaskan kepada falsafah Sekularisme yang disulam ke dalam Sains Moden. Ini berlaku ialah kerana kita tidak mewarisi Sains dari sarjana-sarjana Islam di zaman keagungannya secara terus-menerus. Malah kita mewarisinya dari orang-orang Barat yang telah memasukkan falsafah dan pandangan hidup mereka yang sekular ke dalam Sains Moden. Jadi apa yang perlu diubah ialah falsafah yang membalut Sains Moden itu sahaja. Konsep *nature* hendaklah digantikan dengan konsep *Takdir Allah* yang berlandaskan akidah Tauhid:

... وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا

Terjemahan: “Dan Dia (Allah) telah mencipta segala sesuatu dan Dia mentakdirkannya (menetapkan ukuran dan ciri-ciri) dengan serapi-rapinya.”

(Surah al-Furqan : 2)

Seperti Sains, ilmu-ilmu Kemanusiaan dan Kemasyarakatan juga telah diresapi oleh unsur-unsur yang bercanggah dengan nilai-nilai Tauhid seperti Sekularisme, Atheisme, Materialisme dan sebagainya, walaupun pada asalnya ilmu-ilmu tersebut dikembangkan oleh sarjana-sarjana Islam sebagai menyahut seruan al-Quran untuk meneroka semua bidang ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Ianya perlu dibersihkan dari unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam supaya dapat dipergunakan untuk mencapai cita-cita Islam. Kita umat Islam mempunyai pedoman yang jelas dalam masalah ini. Sebarang andaian atau teori yang bercanggah dengan kebenaran wahyu, maka dengan sendirinya tertolak.

Sebaliknya sebarang teori yang tidak bercanggah dengan wahyu dan memberi manfaat kepada umat Islam, maka ianya dapat diterima, malah perlu diterima berasaskan kaedah yang digariskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

⁹ *Manhajal-Islah Fil Mujtama'*: 88

الْحِكْمَةُ ضَالَّةٌ الْمُؤْمِنِ، فَحَيْثُمَا وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

Terjemahan: *"Hikmah itu barang kehilangan orang mukmin, maka di mana sahaja ia ditemui, dialah yang lebih berhak memilikinya."*

Ilmu-ilmu tadi bolehlah diibaratkan seperti barang permata yang jatuh ke tempat najis. Adalah satu kebodohan tidak mengambilnya dengan alasan ia dicemari oleh kekotoran; tidak kurang juga bodohnya mengambil dan memakainya sekali dengan najis. Sikap yang betul ialah mengambil dan membersihkannya dari kekotoran dan memanfaatkannya.

MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM

Satu perkara yang perlu diperhatikan apabila kita membincangkan mengenai pendidikan ialah pendidikan itu sendiri bukanlah matlamat. Ia tidak lebih dari alat atau wasilah untuk mencapai matlamat. Oleh itu matlamat perlulah jelas dan mendapat tumpuan utama; dan sebarang sistem yang dilaksanakan mestilah ditempa sesuai dengan matlamat yang hendak dituju itu.

PENDIDIKAN DAN MANUSIA

Adalah diperhatikan persoalan ini agak celaru dan tidak begitu jelas bagi pengusaha-pengusaha pendidikan di negara-negara Islam yang kebanyakannya negara-negara membangun yang agak lama berada di bawah kuasa penjajahan. Sistem pendidikan yang sepatutnya menjadi wasilah telah bertukar menjadi matlamat. Kebanyakannya beranggapan bahawa apabila sebilangan besar rakyat telah diberi pelajaran: banyak sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi telah didirikan, maka ini bermakna tanggungjawab pendidikan telah berjaya dilaksanakan dan tercapailah matlamat pendidikan negara; Dengan sebab itu, tidaklah menjadi perhitungan apakah bentuk sistem pendidikan yang dilaksanakan; dari manakah ia diimport; apakah unsur yang diserap dan menyerap ke dalamnya; dan apakah bentuk manusia yang bakal dilahirkan. Kebanyakan kepincangan pendidikan masyarakat Islam yang menyebabkan terbantutnya pergerakan umat ke arah mengembalikan keagungannya adalah berpunca daripada kekeliruan ini.

Bagi negara-negara maju yang mempunyai kematangan dan kesedaran yang tinggi tentang cita-cita dan falsafah pandangan hidup mereka, persoalan ini dianggap begitu penting sekali. Misalnya Amerika Syarikat, walaupun mempunyai persamaan yang banyak dengan negara-negara Eropah sama ada dari segi Sistem Pemerintahan, Falsafah Hidup, Pegangan Agama, Bahasa, Kebudayaan dan lain-lainnya, namun para perancang dasar pendidikannya berpendapat adalah tidak sesuai mengambil Sistem Pendidikan Inggeris dari negara-negara Eropah yang lain. Profesor Dr. J.B. Conant menyebutkan dalam bukunya, *'Education And Liberty'*:

*"Bahawa proses pendidikan bukanlah merupakan barangan jual-beli yang boleh dieksport keluar atau diimport dari luar. Sejarah telah membuktikan bahawa kita lebih banyak rugi dari untung dengan mengimport teori pendidikan Inggeris dan Eropah ke negeri kita Amerika."*¹⁰

Begitu juga Soviet Union yang telah menolak semua nilai agama dan telah membebaskan diri dari sebarang ikatan tradisi tidak membenarkan sebarang sistem pendidikan diimport dari negara-negara Kapitalis yang pandangan hidupnya bertentangan dengan pandangan hidup Komunis. Malah Rusia telah menyerapkan nilai-nilai dan prinsip Komunis ke dalam semua ilmu pengetahuan dan peradaban, sama ada yang berbentuk teori ataupun praktik, seperti Sains Tabi'ie, Geografi, Sejarah dan lain-lain. Mc. Govern, salah seorang ahli Sains Tabi'ie Soviet menegaskan: "Sains Rusia bukanlah sebahagian dari Sains Dunia. Ia adalah tersendiri dan berbeza dari bahagian-bahagian Sains yang lain. Sifat asasi ilmu Soviet ialah ianya tegak di atas falsafah yang jelas dan berbeza, sesungguhnya penyelidikan ilmiah memerlukan asas, dan asas ilmu Sains Tabi'ie kita ialah falsafah kebendaan yang dikemukakan oleh Marx, Engels, Lenin dan Stalin. Kita ingin mengharungi medan ilmu Sains Tabi'ie dengan falsafah ini di tangan kita untuk memerangi semua tasawwur asing yang bertentangan dengan falsafah kebendaan Marxis dengan segala kekuatan dan kesungguhan."¹¹

Sebagai umat yang diamanahkan oleh Allah dengan akidah yang benar dan nilai hidup yang tinggi dan bersifat mutlak kebenarannya, sepatutnya kitalah yang lebih utama menjadikan ilmu pengetahuan sebagai

¹⁰ Dipetik oleh Abul Hasan An-Nadwi, *Nahwa At-Tarbiah Al-Islamiah Al Hurrah* : 43

¹¹ Ibid

alat untuk mengkhidmati akidah dan risalah kita. Pendidikan haruslah dianggap seperti pakaian yang perlu ditempah sesuai dengan badan, udara dan persekitaran kita; sesuai dengan akidah dan nilai-nilai hidup kita. Pendidikan kita seharusnya menjadi jambatan yang menghubungkan generasi hari ini dengan generasi silam kita; menghubungkan ilmu dengan akidah dan tujuan hidup; menghubungkan roh dengan *maddah* (benda); dan menghubungkan dunia dengan akhirat, untuk mengukuhkan akidah, menghayati dan mempertahankan nilai-nilainya dan menyebarkan risalah (message) kita. Penegasan ini tidaklah bermakna kita akan menutup pintu dari menerima sebarang pengalaman dan hasil penyelidikan orang lain. Islam sebenarnya tidaklah bersikap begitu tertutup; tetapi tidaklah pula terlalu terbuka. Dalam apa perkara pun Islam sentiasa tegak di atas landasan dan konsep *wasatnya* (Al-Baqarah: 43). Segala teori dan ilmu pengetahuan Barat mestilah diperiksa dan dikaji semula secara kritis dan dianggap sebagai bahan mentah (*raw material*) yang perlu diproses sesuai dengan akidah dan keperluan kita, sebagaimana orang lain menggunakannya sesuai dengan keperluan mereka.

MATLAMAT PENDIDIKAN

Berbalik kita kepada matlamat pendidikan Islam, apakah bentuk manusia yang hendak dilahirkan oleh pendidikan Islam? Seperti yang dikatakan, pendidikan adalah wasilah, bukan matlamat. Oleh itu setiap pendidikan mempunyai matlamat sendiri. Kebanyakan sistem pendidikan bertemu dalam satu matlamat, iaitu untuk menyediakan “*Warganegara Yang Baik.*” Kemudian setiap pendidikan berbeza dalam menentukan kualiti warganegara yang baik iaitu berasaskan Falsafah Hidup, Tanah Air, Bangsa dan sebagainya.

Bagi Sistem Pendidikan Perancis umpamanya, mereka yang sanggup mengorbankan sejuta rakyat Algeria demi mengekalkan bumi Algeria terus berada di bawah Jajahan Perancis adalah dianggap warganegara yang baik. Bagi pendidikan Hitler pula, orang yang fanatik terhadap bangsa dan tanah air Jerman serta sanggup berjuang untuk menundukkan bangsa lain di bawah kekuasaan Jerman adalah merupakan warganegara yang baik.

BIODATA PENULIS




Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh dilahirkan pada 25 Julai 1942 di Kampung Kerunai, Grik, Perak Darul Ridzuan. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Syariah) di Universiti Al-Azhar pada tahun 1971 dan Diploma Am Pendidikan di Universiti Ain Syam, Kaherah pada tahun 1972. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian peringkat sarjana dan memperolehi Ijazah Sarjana (Usul Fiqh) di Universiti Al-Azhar pada tahun 1974.

Beliau telah menjawat jawatan Mufti Wilayah Persekutuan daripada 21 Mac 2005 hingga 20 Mac 2014. Turut dilantik ketika itu sebagai Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Ahli Lembaga Pengarah Harta Suci Sdn. Bhd. (PPZ), Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM, juga merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia.


Berpengalaman dalam bidang pendidikan dan akademik kerana pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (1975 – 1982), Pensyarah Jabatan Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (1982 – 1986 / 1988 – 1993), Pensyarah Kuliah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa (1993 – 1994) dan Rektor, Kolej Islam Darul Ridzuan (2002 – 2004).

Beliau pernah menyandang jawatan Pegawai Khas Kepada dua orang YAB Timbalan Perdana Menteri iaitu Tun Ghafar Baba (1986 – 1988) dan Dato' Seri Anwar Ibrahim (1994 – 1997). Kepakaran beliau dalam bidang pemikiran juga dimanfaatkan oleh beberapa agensi kerajaan seperti Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM) apabila dilantik sebagai Pakar Perundingan pada tahun 2000 – 2001 dan Ahli Panel Pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan.

Kini, setelah menamatkan perkhidmatan sebagai Mufti Wilayah Persekutuan, beliau masih aktif memberikan sumbangan kepada negara dan ummah selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM, Pengerusi Panel Syariah YaPEIM, Ahli Jawatankuasa Exco YaPEIM, Ahli Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Ahli Lembaga Pengarah Harta Suci Sdn. Bhd. (PPZ), dan Ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS).



ISBN 978-967-12468-2-5



9 789671 246825